

٩- حَدَّثَنَا مُسَدَّدُ بْنُ مُسْرَهْدٍ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَزِيدَ اللَّيْثِيِّ عَنْ أَبِي أَيُّوبَ رَوَايَةً قَالَ إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَائِطَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ بِغَائِطٍ وَلَا بَوْلٍ وَلَكِنْ شَرُّوْا أَوْ غَرَّبُوا فَقَدِمْنَا الشَّامَ فَوَجَدْنَا مَرَاحِيضَ قَدْ بُنِيَتْ قِبَلَ الْقِبْلَةِ فَكُنَّا نَنْحَرِفُ عَنْهَا وَنَسْتَغْفِرُ اللَّهَ.

9- Musaddad bin Musarhad meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan (bin 'Uyainah)⁵¹ meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri⁵² daripada 'Athā' bin

⁵¹ Beliau ialah Sufyān bin 'Uyainah bin Maimūn al-Kūfi. Abu Muḥammad adalah kunyahnya. Sufyān bin 'Uyainah adalah seorang imam yang hebat dalam ḥadīths, fiqh dan fatwa. Beliau adalah murid Imam Abu Hanīfah dan salah seorang guru Imam asy-Syāfi'e. Dilahirkan di permulaan bulan Rejab pada tahun 107 dan meninggal dunia pada tahun 198 Hijrah ketika berumur 91 tahun.

Ada seorang lagi tokoh ḥadīths dan fiqh yang sama nama dengannya. Beliau ialah Sufyān bin Sa'id bin Masrūq ats-Tsauri. Sufyān ats-Tsauri lebih tua daripada Sufyān bin 'Uyainah. Sufyān bin 'Uyainah bahkan berguru dengannya. Sufyān ats-Tsauri meninggal dunia pada tahun 161 Hijrah.

⁵² Beliau ialah Muhammad bin Muslim bin 'Ubaidillah bin 'Abdillah bin Syihab bin 'Abdillah bin al-Ḥārīts bin Zuhrah bin Kilāb bin Murrah al-Qurasyi al-Zuhri al-Madani al-Aili. Kunyahnya ialah Abu Bakar. Salah seorang imam dan tokoh besar. Az-Zuhri merupakan seorang yang sangat alim di Ḥijaz dan Syam. Seorang yang disepakati para 'ulama' tentang kehebatan dan ketokohnya. Adz-Dzahabi di dalam Mīzān al-I'tidāl berkata, "Muhammad bin Muslim az-Zuhri seorang Ḥāfīzh lagi Ḥujjah. Beliau ada juga melakukan tadlis, tetapi jarang sekali. Az-Zuhri meninggal dunia di Syām pada bulan Ramadhan tahun 124 Hijrah ketika berumur 72 tahun.

Yazid al-Laitsi⁵³ daripada Abi Ayyub r.a.⁵⁴ sebagai riwayat⁵⁵ (daripada Rasulullah s.a.w.), Baginda bersabda, “Apabila kamu mendatangi tempat membuang air,⁵⁶ maka janganlah kamu menghadap qiblat pada ketika

⁵³ kemudian al-Jundu'i al-Madani. Abu Muhammad adalah kunyahnya. 'Athā' adalah seorang perawi tsiqah. 'Ali bin al-Madīni dan an-Nasaa'i mengatakan beliau tsiqah. Keenam-enam pengarang kitab-kitab utama hadits mengambil haditsnya. Beliau meninggal dunia pada tahun 105 Hijrah.

⁵⁴ Nama sebenar Abu Ayyub ialah Khalid bin Zaid bin Kulaib bin Tsa'labah al-Anshāri an-Najjāri al-Khazraji al-Madani. Beliau adalah salah seorang sahabat daripada Bani an-Najjār. Abu Ayyub telah ikut serta dalam Perjanjian 'Aqabah, perang Badar, Uhud, Khandaq dan lain-lain peristiwa bersejarah di zaman Nabi s.a.w. dan selepas kewafatan Baginda. Ketika mula-mula sampai di Madinah rumahnya ialah yang menjadi tempat penginapan Rasulullah s.a.w. Baginda menumpang di rumahnya sehingga terbina Masjid Nabawi dan rumah Baginda sendiri di sebelahnya. Abu Ayyub seorang yang sangat berani, sabar, bertaqwa dan sangat suka ikut berjihad. Beliau hidup sampai ke zaman kerajaan Bani Umaiyah. Pada mulanya beliau tinggal di Madinah, kemudian berpindah ke Syam. Ketika Yazid menjadi panglima perang di zaman pemerintahan (khilafah) ayahnya Mu'aawiah untuk menyerang Qustatiniah, Abu Ayyub termasuk salah seorang tenteranya. Beliau telah terlibat dalam beberapa peperangan dan peristiwa penting di sana. Akhirnya beliau jatuh sakit dan berwasiat supaya terus di bawa masuk ke kawasan musuh walaupun dengan diusung ketika berperang. Setelah meninggal dunia jenazahnya dikebumikan berdekatan dengan benteng Qustantiniah. Abu Ayyub meriwayatkan sebanyak 155 hadits, dan beliau meninggal dunia pada tahun 52 Hijrah.

⁵⁵ Perkataan رَوَايَةً adalah mashdar yang dinashabkan dengan fi'il yang maḥdzūf, taqdirnya: يَرْوِي رَوَايَةً. Lafaz رَوَايَةً menunjukkan hadits yang dikemukakan ini adalah marfū' pada hukumnya. Kerana ia merupakan lafaz-lafaz kinayah yang digunakan oleh para 'ulama' hadits sebagai ganti kata mereka “Rasulullah s.a.w. telah bersabda”, sama ada kerana ia diriwayatkan berdasarkan ma'nanya atau kerana ia diringkaskan.

Kata Hafizh Ibnu Hajar di dalam Syarḥ an-Nukhbah-nya: “Termasuk dalam kataku: (حُكْمًا) semua lafaz kinayah yang digunakan sebagai ganti lafaz-lafaz yang terang yang dikaitkan dengan Rasulullah s.a.w., seperti kata seorang tabi'i yang meriwayatkan daripada mana-mana sahabat: يَرْفَعُ الْحَدِيثَ أَوْ يَرْوِيهِ أَوْ يَنْمِيهِ أَوْ رَوَايَةً أَوْ يَبْلُغُ بِهِ أَوْ رَوَاهُ Bermaksud: Dia mengangkat hadits ini, atau dia meriwayatkannya, atau dia menyandarkannya (kepada Nabi s.a.w.), atau sebagai riwayat (daripada Nabi s.a.w.), atau dia menyampaikannya (kepada Nabi s.a.w.) atau dia meriwayatkannya.” (Lihat Syarḥ an-Nukhbah m/s 78). Semua lafaz ini menunjukkan hadits yang diriwayatkan oleh seseorang tabi'i daripada mana-mana sahabat adalah marfū' pada hukumnya.

⁵⁶ Ma'na asal perkataan الْغَائِطُ ialah kawasan tanah rendah. Di zaman Rasulullah s.a.w., kawasan tanah rendahlah yang dicari untuk membuang air, kerana keadaannya yang lebih tertutup dari pandangan orang ramai. Perkataan itu kemudiannya dipinjam untuk

membuang air besar dan membuang air kecil,⁵⁷ akan tetapi menghadaplah ke timur atau ke barat.”⁵⁸ Setelah kami datang ke Syam,⁵⁹ kami dapati tandas-tandas telah dibina menghadap qiblat,⁶⁰ kami berpaling daripadanya dan memohon ampun kepada Allah.⁶¹

tempat membuang air. Perkataan yang sama juga kemudiannya dipinjam untuk memberi erti najis atau tahi yang keluar dari dubur berdasarkan qaedah “menyebut tempat tetapi yang dimaksudkan ialah yang berada di tempat itu” (من باب إطلاق المحل وإرادة الحال).

⁵⁷ Hadits ini dikemukakan oleh Bukhari, Muslim, Tirmidzi, Nasaa’i dan Ibnu Majah dengan lafaz berbeza-beza. Lafaz riwayat Muslim dan Abu Daud agak sama atau hampir sama. Di dalam riwayat Bukhari dan Muslim tersebut: فلا تستقبلوا القبلة ولا تستبروها. Rangkaian kata terakhirnya, iaitu: ولا تستبروها tidak terdapat di dalam riwayat Abu Daud ini. Tidak dapat dipastikan sebabnya, adakah ia sengaja diringkaskan oleh pengarangnya sendiri atau oleh mana-mana perawi atau ia tergugur dari salinan penyalin.

⁵⁸ Supaya tidak berlaku kamu menghadap ke arah qiblat. Sabda Nabi s.a.w. ini khusus untuk penduduk Madinah dan orang-orang yang qiblatnya (Ka’bah) berada di sebelah utara atau selatan negerinya. Adapun orang-orang yang qiblatnya berada di sebelah timur atau barat, maka mereka hendaklah menghadap ke arah selatan atau utara.

⁵⁹ Sebagai pejuang dan dapat menguasainya (man’lukinya). Ini adalah kata-kata Abu Ayyub sebagaimana tersebut dengan jelas di dalam riwayat Muslim. Zahirnya ialah kedatangan beliau ke Syam telah berlaku ketika pembukaan atau pena’lukan Syam pada tahun ke-13 Hijrah.

⁶⁰ Tandas-tandas telah dibina di Syam oleh penduduknya yang beragama Kristian, kerana itu tidak ada dalam perkiraan mereka sama ada ia menghadap ke arah qiblat atau pun tidak. Sukar sekali diterima bahawa tandas-tandas itu telah dibina oleh orang-orang Islam dengan menghadap ke arah qiblat dalam keadaan telah ada sabda-sabda Rasulullah s.a.w. yang melarang daripadanya.

⁶¹ Oleh kerana kami terpaksa mengguna tandas-tandas itu dalam keadaan cuba berpaling sedikit dari arah qiblat, kami tetap memohon ampun kepada Allah. Mungkin juga ia bererti apabila kami terlupa ketika menggunakannya tanpa berusaha berpaling dari arah qiblat, maka kami berasa bersalah, kerana itulah kami memohon ampun kepada Allah. Mengatakan ia bermaksud, kami memohon ampun kepada Allah untuk orang-orang yang membinanya adalah tidak munasabah, kerana apa ertinya beristighfar untuk orang-orang kafir?

Kedudukan hadits ke-9: Sahih. Selain Abu Daud, ia diriwayatkan juga oleh Bukhari, Muslim, Malik, Nasaa’i, Tirmidzi, Ibnu Majah dan lain-lain. Setelah mengemukakannya at-Tirmidzi berkata, “Hadits Abu Ayyub adalah yang paling elok dan paling sahih dalam bab ini.”

Panduan dan pedoman daripada hadits: